

11/11/1999

Parti komponen dijangka kemuka ramai muka baru

KUALA LUMPUR, Rabu - Kebanyakan 14 parti komponen Barisan Nasional (BN) akan mengetengahkan antara 10 hingga 50 peratus muka baru pada pilihan raya umum kali ini.

MCA misalnya akan mencalonkan 10 peratus muka baru, manakala Gerakan akan memperkenalkan 50 peratus calon muka baru.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, penamaan kira-kira 10 peratus calon baru itu bagi menggantikan calon MCA yang bersara atau tidak dicalonkan kali ini kerana tidak menunjukkan prestasi memuaskan.

Ditanya sama ada muka baru itu membabitkan golongan profesional, Dr Ling berkata, isu itu bukan persoalan utama tetapi yang penting semua calon terbabit aktif dalam memperjuangkan kebajikan rakyat dan negara.

"Senarai nama calon MCA ini akan dikemukakan kepada Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam tempoh dua hingga tiga hari ini," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Kabinet, di pejabatnya, di sini hari ini.

Sementara itu, ketika merasmikan Forum Wanita MCA Mengenai Isu Semasa malam ini, Dr Ling berkata, seorang bekas wartawan adalah antara dua muka baru wanita yang akan dicalonkan oleh MCA mewakili kerusi Parlimen.

Bekas wartawan itu ialah Setiausaha Penganjur Kebangsaan Wanita MCA, Chew Mei Fun. Seorang lagi muka baru ialah Ketua Wanita MCA, Datuk Dr Ng Yen Yen.

Chew, bekas wartawan akhbar China Press, yang juga Pengerusi Wanita MCA Bahagian Petaling Jaya Utara, akan bertanding di kawasan itu menggantikan Vincent Lim Kuo Phau.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik pula berkata, parti itu akan mengetengahkan 50 peratus muka baru bagi 10 kerusi Parlimen yang akan ditandinginya dan kira-kira 30 peratus bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Pada pilihan raya umum 1995, BN bertanding di semua 192 kerusi Parlimen dan 364 kerusi Dewan Undangan Negeri. Daripada jumlah itu, Umno diperuntukkan 103 kerusi Parlimen, MCA (35), MIC (tujuh), Gerakan (10), PBB (10), SNAP (empat), SUPP (tujuh), PBDS (lima), SAPP (tiga), PBR (dua), Akar Bersatu (dua), PDS (dua), LDP (satu) dan seorang calon BN yang bertanding tanpa mewakili mana-mana parti.

Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) pula dijangka mengemukakan sekurang-kurangnya 30 peratus muka baru tetapi Presidennya, Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata senarai akhir itu akan diumumkan sendiri oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN.

Beliau yang juga Ketua Menteri Sarawak, enggan mengulas kemungkinan Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha digugurkan daripada senarai.

"Kami akan mengemukakan beberapa muka baru tetapi senarai itu nanti akan diumumkan sendiri oleh Perdana Menteri. Prinsipnya seperti kata Perdana Menteri ialah kita boleh tukar sehingga 30 peratus dengan muka baru bagi memperkuatkan parti," katanya.

Presiden Parti Kebangsaan Sarawak (Snap), Datuk Amar James Wong pula berkata, partinya akan mengemukakan dua muka baru iaitu pakar perubatan, Dr Tiki Lafe untuk bertanding atas tiket BN bagi kerusi Mas Gading manakala Datuk Tiong King Sing bagi kerusi Bintulu.

(END)